



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



SIARAN MEDIA

PSIS LAFAZ IKRAR TOLAK PRINSIP AMALAN RASUAH DALAM ORGANISASI

SABAK BERNAM, 09 Ogos 2023 - Warga Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) hari ini menandatangani dan melafazkan Ikrar Bebas Rasuah bagi menolak prinsip amalan rasuah dalam insititusi ini.

Pengarah PSIS, Mohamad Yusof Sulaiman berkata insiatif ini diadakan supaya warga kerja PSIS sentiasa berwaspada dan tidak berkompromi dengan sebarang aktiviti yang tidak bermoral membabitkan wang ringgit dalam melaksanakan tugas seharian.

“Amalan berunsur rasuah bukan sahaja menyebabkan imej tercalar, tetapi persepsi dan kepercayaan masyarakat terhadap sebuah organisasi turut terjejas.

“Justeru, ikrar yang dibuat pada hari ini penting supaya setiap individu akan melakukan tugas dengan lebih bertanggungjawab dan ia sejajar dengan Pelan Antirasuah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2022-2026 merupakan komitmen Kementerian dalam menangani risiko rasuah seiring dengan aspirasi Kerajaan melalui pembangunan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 iaitu “Ke Arah Negara Bebas Rasuah,” katanya.

Beliau turut menegaskan supaya warga kerja PSIS hendaklah sentiasa mematuhi peraturan-peraturan penjawat awam.

Lafar Ikrar yang membabitkan 370 kakitangan yang diketuai oleh Pengarah PSIS, Mohamad Yusof Sulaiman dan disertai oleh Ketua-Ketua Jabatan Akademik, ia telah disaksikan oleh Timbalan Pengarah (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor, Ridzuan Abd. Malik.

Turut hadir, Ketua Unit Pendidikan Masyarakat, Penolong Pesuruhjaya, Muhamad Firdaus Musa, Timbalan Pengarah Akademik, Ts. Nizam Mohd Nasir dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Norman Zamri.

Sebagai makluman tambahan, Politeknik Sultan Idris Shah adalah institusi Pendidikan Tinggi Awam yang terbuka kepada individu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang memenuhi syarat-

syarat tertentu dan terbuka kepada semua tanpa peringkat umur yang menawarkan 10 program Diploma berdasarkan permintaan industri keperluan semasa.

-TAMAT-

**POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
9 OGOS 2023**

*Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan dan Komunikasi Korporat
Politeknik Sultan Idris Shah*

Telefon: 03-32806200